

B641
MAHATHIR-MCA
(1)

1981

KUALA LUMPUR, 21 OKT. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MEMBERTAHU SATU PERWAKILAN MCA YANG MENEMUINYA HARI INI BAHAWA PERMINTAAN MEREKA SUPAYA DILANTIK SEORANG LAGI TIMBALAN PERDANA MENTERI DARI MCA TIDAK DAPAT DITIMBANGKAN.

DEMIKIAN SETIAUSAHA POLITIK KEPADA PERDANA MENTERI, MEGAT JUNID BIN MEGAT AYUB MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI SINI.

BELIAU BERKATA DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENGULANGI APA YANG DIKATAKANNYA SEMASA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG MCA BAHAWA MENIMBULKAN ISU ITU YANG MERUPAKAN +NON-STARTER+ TIDAK AKAN MENGUNTUNGGAN MANA-MANA PIHAK.

MEGAT JUNID BERKATA PERWAKILAN MCA ITU, DIKETUAI OLEH KETUA PEMUDANYA, DATUK LIM KIM SAI TELAH MENEMUI PERDANA MENTERI SELAMA TIGA JAM.

DATUK LEE KEMUDIAN MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SATU MEMORANDUM TELAH DISAMPAIKAN KEPADA PERDANA MENTERI MENGENAI BEBERAPA ISU TERMASUK PERLANTIKAN PENOLONG PEGAWAI DAERAH, MASALAH IMIGRESEN, KEDUKAN ISTERI DARI ORANG ASING DAN RANCANGAN RADIO DAN TELEVISYEN.

DATUK LEE YANG MENGETUAI PERWAKILAN 42 ORANG ITU BERKATA BELIAU MENGADAKAN RUNDINGAN BERMAKNA DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SEMASA DIALOG ITU.

--BERNAMA 2140/AN